PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 17 & 18, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel. :03-5544 7000/5544 7067 (T)
:03-5544 7068 (Pentadbiran)
:03-5544 7090 (Kewangan)
Fax :03-5510 1088 (Pentadbiran)
:03-5544 7991 (Pentadbiran)
:03-5519 4143 (Kewangan)

QUALITY SYSTEM SIRIM CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2000 AR 2388
QUALITY SYSTEM SIRIM CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2000 AR 2312

(35 )dlm.IPK.Sel.
20279/7/2Jld.7
8 Syaaban 1431 H
20 Julai 2010

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

**SURAT HEBAHAN SUK BIL. 23 TAHUN 2010**

**PINDAAN KETETAPAN BAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN DI PARA 5.2 DALAM MANUAL PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING EDISI 2006**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 22 Jun 2010 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 2 hingga 5** surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)**

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
*(Ministry of Finance Malaysia)*
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
:
Web : http://www.treasury.gov.my

DITERIMA
06 JUL 2010
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor D.E.

Setiausaha Kerajaan Selangor
7. JUL 2010
SUB (K/P)

S/K.KEW/PK/P/1100/0000
00/165/23 Jilid 7 (5)
22 Jun 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr/Tuan/Puan,

**PINDAAN KETETAPAN BAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN DI PARA 5.2 DALAM MANUAL PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING EDISI 2006**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr/ Tuan/ Puan sedia maklum, Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 (MPPP 2006) melalui para 5.2 dan 5.5 di muka surat 32, telah menetapkan agar mana-mana Agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan perunding bagi melaksanakan projek/kajian Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan sejumlah 5% daripada yuran perunding dan elaun tapak (jika berkenaan) untuk bayaran cukai perkhidmatan kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM).

3. Kementerian Kewangan telah mengadakan perbincangan dengan KDRM bersama dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan Persatuan Jurutera Perunding Malaysia bagi menyelesaikan isu tersebut. KDRM melalui suratnya bil. KE.HF(126)664/01/025 bertarikh 24 Mei 2010 telah memutuskan bahawa **cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas Elaun Tapak (*Site Allowance*).**

4. Walau bagaimanapun, gaji kakitangan tapak (*construction supervision fee/site supervision fee*) adalah tertakluk kepada bayaran cukai perkhidmatan memandangkan ia adalah sebahagian daripada yuran perunding.

SUB(KA)
Tindakan

DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN
Timbalan Setiausaha Kerajaan
(Pembangunan)
Selangor Darul Ehsan

5. Sehubungan itu, para 5.2 BAB IV dalam Manual Perolehjan perkhidmatan perunding Siri PPP 2006 adalah dipinda seperti berikut : ***"Cukai Perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan oleh pihak Kerajaan di atas penggunaan sesuatu perkhidmatan, termasuk perkhidmatan perunding. Kadar semasa Cukai Perkhidmatan ini adalah sebanyak 5% daripada jumlah yuran perunding tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan oleh Kerajaan.*** **Cukai Perkhidmatan tidak dikenakan ke atas Elaun Tapak(*site allowance*)."**

5. Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) ini adalah **hanya terpakai** ke atas projek/kajian yang mana **Surat Setuju Terima (SST)/*Letter of Acceptance* (LOA)** telah dikeluarkan kepada perunding **pada atau selepas tarikh surat KDRM 24 Mei 2010.**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' FAUZIAH BT YAACOB)**
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k

**Ketua Pengarah**
Kastam Diraja Malaysia
Blok 2G, 1B, Aras 10
No. 3, Persiara perdana, Presint 2
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62596 PUTRAJAYA** **No. Faks : 03-8889 5869**

Y. Bhg. Tan Sri KSP
Semua wakil KSP di dalam Lembaga Perolehan 'A' Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan